

SPR undang pemerhati asing pada PRU 13 akan datang
Malaysian Insider
03 July, 2012
Oleh Amin Iskandar

SHAH ALAM, 3 Jul — Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengundang pemerhati asing bagi menyaksikan perjalanan pilihan raya umum ke 13 kata pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof.

Dalam sebuah wawancara eksklusif bersama *The Malaysian Insider*, Abdul Aziz menegaskan bahawa SPR mengundang pemerhati antarabangsa kerana SPR tidak mempunyai apa-apa yang mahu disembunyikan mengenai perjalanan pilihan raya di Malaysia.

"SPR berpendirian bahawa tidak ada perkara yang kita nak sembunyikan dalam proses pilihan raya di Malaysia ini.

"SPR telah mengendalikan 12 pilihan raya umum dan beratus-ratus kali pilihan raya kecil. Setakat ini secara umumnya diterima semua pihak.

"Oleh itu, SPR tidak mempunyai masalah untuk menerima kehadiran pemerhati asing," kata Abdul Aziz lagi.

SPR memberi keutamaan kepada suruhan jaya pilihan raya negara-negara Asean kecuali Brunei dan Singapura.

"Brunei tidak diundang kerana tidak mempunyai pilihan raya.

"Singapura pula kerana negara tersebut pernah menolak permintaan SPR untuk memerhatikan perjalanan pilihan raya di republik tersebut," kata Abdul Aziz.

SPR turut mengundang wakil dari negara-negara yang pernah mengundang SPR untuk menyaksikan perjalanan pilihan raya di negara mereka seperti dari Bosnia Herzegovina, Canada, Taiwan, Jepun dan banyak lagi.

"Setakat ini masih belum ada NGO asing memohon untuk menjadi pemerhati bagi pilihan raya umum ke 13.

"Jika mereka (NGO asing) berminat, permohonan bagi mendapat akreditasi perlu dilakukan kepada SPR.

"Syarat-syarat yang ditetapkan harus diikuti sepertimana di negara-negara lain.

"Jika ikut syarat, SPR tidak mempunyai masalah untuk beri kebenaran," kata pengerusi SPR.

Terdapat beberapa badan bebas yang menjalankan program pemerhatian pilihan raya antarabangsa seperti Asian Network for Free Election (ANFREL), Carter Center, International Republican Institute (IRI), National Democratic Institute (NDI) dan Democracy International (DI).

Malaysia pernah mengundang Sekretariat Commonwealth sebagai pemerhati asing dalam pilihan raya umum di penghujung 1990an dahulu.

Program pemerhatian pilihan raya antarabangsa bukan bertujuan untuk mencampuri kedaulatan sesebuah negara tetapi untuk menyokong pembangunan demokrasi sesebuah negara tersebut.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/spr-undang-pemerhati-asing-pada-pru-13-akan-dating/>